

Pesta kebudayaan pelajar disyor demi jalin perpaduan

KUALA LUMPUR, Selasa— Kementerian Pelajaran disyor mengadakan pesta kebudayaan bagi murid-murid sekolah untuk menjalinkan perpaduan murid-murid berbilang kaum.

Syor ini diputuskan dalam laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dibentangkan oleh pengerusinya, Datuk Seri-Dr. Mahathir Mohamad di sini, Jumaat lalu.

Laporan itu mencadangkan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan seperti yang terdapat dalam muzik, lagu, tarian dan lakonan hendaklah dipupuk dan digalakkan di sekolah dengan menjadikan sebahagian dari kegiatan sekolah.

Sebagai satu langkah ke arah mencapai matlamat ini, sekolah-sekolah digalakkan menubuhkan kelab seni tari atau seni muzik seperti kelab

angklung, seni lakon, pasukan pancaragam dan kolr.

Jawatankuasa itu juga menambah, bahan-bahan alat bantu mengajar untuk mata pelajaran muzik yang bermutu tinggi hendaklah di bekalkan di sekolah.

Selain itu, alat-alat seperti radio, alat rakaman dan peti televisyen hendaklah dibekalkan ke sekolah supaya murid-murid dapat mengikuti pelajaran muzik, lagu dan tarian yang disiarkan menerusi Rancangan Perkhidmatan Sebaran Pendidikan.

Siaran televisyen pendidikan hendaklah digunakan untuk memperkenalkan dan mengajar tarikan kebangsaan, menurut jawatankuasa itu lagi.

Laporan itu juga menyarankan lebih ramai calon guru yang berkelayakan di bidang muzik diambil untuk mengikuti kursus latihan perguruan.